



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**SYAWAL DIRAI, UKHUWAH DIPEDULI**

**Tarikh Dibaca:**

**12 SYAWAL 1446H /  
11 APRIL 2025**

**Disediakan oleh:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْقُوا طَعْمَ الْإِسْلَامِ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## SYAWAL DIRAI, UKHUWAH DIPEDULI

11 APRIL 2025 / 12 SYAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (الحجرات 13)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Khutbah pada hari ini bertajuk: “**Syawal Dirai, Ukhuwah Dipedulikan**”.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, pada hari ini kita masih lagi dalam kegembiraan Syawal. Kegembiraan ini bukan sahaja milik hari pertama Syawal tetapi Islam membuka ruang seluas-luasnya

untuk kita meraikan keberkatan Bulan Syawal sepanjang bulan. Tidak ada larangan syariat untuk kita meraikan Syawal selama sebulan. Sebaliknya, seluruh Bulan Syawal merupakan masa yang mulia untuk kita terus menyambutnya dengan penuh kesyukuran, dalam batasan yang dibenarkan syarak.

Menyambut Syawal sepanjang bulan memberikan kita peluang yang besar untuk memperkukuhkan silaturahmi bersama keluarga, jiran tetangga, dan rakan taulan. Dalam zaman serba moden ini, kita menghadapi pelbagai cabaran – ada yang terikat dengan tugas, tinggal di tempat jauh, atau menghadapi kekangan tertentu. Tidak semua mampu berkumpul pada hari pertama Syawal. Oleh itu, sambutan secara berperingkat dalam tempoh sebulan ini selari dengan semangat Islam yang meraikan kepelbagaian dan memberikan kelonggaran kepada umatnya. Rumah terbuka dan amalan ziarah-menziarahi boleh diadakan secara terancang untuk mengelakkan kesesakan, pembaziran dan keletihan yang berlebihan.

### **SAUDARAKU YANG DIKASIHI,**

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 13 sebagaimana yang saya baca pada awal khutbah tadi bermaksud:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)”*.

Ayat ini mengingatkan kita bahawa silaturahmi merupakan asas perpaduan dalam masyarakat. Sambutan Syawal selama sebulan harus dijadikan medan untuk memohon kemaafan, menyantuni keluarga dan merapatkan hubungan yang mungkin telah renggang. Inilah masanya untuk kita kembali kepada fitrah kemanusiaan, saling memaafkan dan mengukuhkan ikatan kasih sayang.

Menyambut Syawal selama sebulan bukan sekadar adat, tetapi boleh menjadi pendekatan dakwah yang membudayakan kasih sayang dan kepedulian dalam masyarakat. Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis daripada Anas bin Malik *radhiallahuanhu*, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَبْسُطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang suka untuk diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menyambung silaturahim”.

Berkenaan kelebihan memuliakan tetamu, Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah *radhiallahuanhu*, Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُقِلْ خَيْرًا، أَوْ لِيَصْمِتْ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka berkatalah benar atau diam. Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, janganlah menyakiti jiran. Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka muliakanlah tetamu”.

Lihatlah betapa besarnya ganjaran dalam menjalin hubungan sesama manusia. Justeru, kita boleh memanfaatkan bulan ini bukan sahaja untuk beramal ibadah, tetapi juga dengan usaha mempererat tali kasih sayang dalam kalangan umat melalui amalan kunjung-mengunjungi.

### **PARA TETAMU ALLAH YANG DIMULIAKAN,**

Selain itu juga, Syawal turut menjadi pemangkin kepada sikap peduli kita terhadap saudara-saudara yang lain terutamanya yang sedang dilanda musibah, bencana atau penderitaan.

Episod duka yang saban waktu mencengkam umat Islam di Palestin tidak boleh kita abaikan. Rakyat Palestin terus tersepit di sebalik kepura-puraan media yang dikawal oleh Barat. Umat Islam di Palestin kini terus menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel. Rumah-rumah mereka dibom, mereka dibakar hidup-hidup dalam khemah yang menjadi tempat perlindungan, jasad anak-anak kecil berhamburan dibedil peluru dan bom, pintu sempadan ditutup dari kemasukan bantuan, nyawa mereka terus diragut dan kehidupan

mereka dilakar dengan penderitaan yang sangat sukar untuk kita bayangkan. Inilah ujian yang mereka hadapi dan dalam masa yang sama, ia juga ujian buat kita semua.

### **SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Situasi yang berlaku di Gaza merupakan manifestasi kezaliman yang nyata. Oleh itu, kita tidak boleh berdiam diri. Kita wajib menyokong perjuangan saudara kita di sana, sama ada melalui doa, bantuan kemanusiaan, mahupun menyatakan pendirian secara tegas menentang kezaliman. Ingatlah, kita bukan sekadar pemerhati, tetapi umat yang memikul tanggungjawab bersama.

Justeru, marilah kita ambil peluang ini untuk menzahirkan solidariti, menyumbang apa jua yang termampu, dan berdoa agar Allah SWT memberikan kemenangan kepada rakyat Palestin.

Sebagai penutup khutbah, renungkan beberapa saranan ini:

**Pertama:** Raikan Syawal dengan rasa syukur dan teruslah memperkukuhkan silaturahim melalui amalan kunjung-mengunjungi.

**Kedua:** Menyambut Syawal selama sebulan bukan sekadar adat, tetapi boleh menjadi pendekatan dakwah yang membudayakan kasih sayang dan kepedulian dalam masyarakat.

**Ketiga:** Umat Islam tidak boleh berdiam diri terhadap kezaliman yang dilakukan terhadap rakyat Palestin. Kita wajib menyokong perjuangan saudara kita di sana, sama ada melalui doa, bantuan kemanusiaan, mahupun menyatakan pendirian secara tegas menentang kezaliman.

Mengakhiri khutbah, hayati firman Allah SWT dalam Surah an-Nisaa, ayat 75:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا

**Bermaksud:** “Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا  
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَالِيَسُورِي ائْخُوغْ، رَاغْ  
زَارِيثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.